A

Faizal Anuar bin Mat Isa lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO A-09(H)-427–12 TAHUN 2022
HADHARIAH ISMAIL, MOHAMED ZAINI DAN AZMI ARIFFIN HHMR
8 DISEMBER 2023

C

Prosedur Jenayah — Hukuman — Serentak atau berasingan — Perayu disabitkan bersalah bagi satu pertuduhan rogol dan dua pertuduhan di bawah s 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 — Mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi memerintahkan
D *hukuman-hukuman pemenjaraan bagi ketiga-tiga pertuduhan berjalan secara berasingan — Sama ada kesalahan-kesalahan dilakukan dalam satu transaksi — Sama ada hukuman-hukuman pemenjaraan perlu berjalan secara serentak atau berasingan — Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 s 14, 14(b) & (d) — Kanun Keseksaan s 376(2)*

E

Perayu telah dipertuduh dengan tiga pertuduhan iaitu kesalahan rogol di bawah s 376(2) Kanun Keseksaan ('pertuduhan pertama'), kesalahan di bawah s 14(b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ('Akta 792') ('pertuduhan kedua'), dan kesalahan di bawah s 14(d) Akta 792
F ('pertuduhan ketiga'). Kesalahan-kesalahan tersebut didakwa telah dilakukan ke atas mangsa (yang pada ketika itu berusia 15 tahun sembilan bulan) pada 3 Januari 2020, jam lebih kurang dua pagi, di dalam sebuah bilik di sebuah rumah yang terletak di Daerah Sungai Siput, Perak. Pada akhir kes, mahkamah sesyen telah mendapati perayu bersalah bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut
G dan manjatuhkan hukuman-hukuman seperti berikut: (a) pertuduhan pertama — 12 tahun penjara dari tarikh tangkap dan empat kali sebatan; (b) pertuduhan kedua — empat tahun penjara dan dua kali sebatan; (c) pertuduhan ketiga — empat tahun penjara dan dua kali sebatan; dan (d) ketiga-tiga hukuman pemenjaraan tersebut berjalan secara berasingan
H bermula dari tarikh perayu ditangkap pada 6 Januari 2020. Perayu telah merayu terhadap hukuman yang dijatuhkan namun Mahkamah Tinggi mengekalkan keputusan mahkamah sesyen agar ketiga-tiga hukuman pemenjaraan berjalan secara berasingan, oleh itu, rayuan semasa. Dalam rayuan ini perayu memohon agar hukuman-hukuman pemenjaraan tersebut
I dikurangkan dan agar ketiga-tiga hukuman pemenjaraan berjalan secara serentak dan tidak secara berasingan.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu, mengekalkan sabitan bagi ketiga-tiga pertuduhan, mengenepikan perintah supaya hukuman-hukuman

pemenjaraan berjalan secara berasingan dan menggantikannya dengan perintah supaya hukuman-hukuman pemenjaraan berjalan secara serentak, dan mengekalkan hukuman sebatan:

(1) Mahkamah dalam mendengar rayuan semasa berpandukan kepada prinsip undang-undang yang mantap di mana mahkamah di peringkat rayuan seharusnya mengambil pendirian untuk tidak mengganggu dapatan hukuman yang telah dibuat oleh mahkamah perbicaraan melainkan ternyata keputusan tersebut mempunyai salah arah, tidak menurut undang-undang dan terdapat keterangan yang kuat yang menunjukkan bahawa hakim perbicaraan telah terkhilaf di dalam mengguna pakai prinsip menjatuhkan hukuman yang betul atau pun telah mengguna pakai budibicara yang tidak dibenarkan (*unauthorised*) ataupun asing (*extraneous*) (lihat perenggan 29).

(2) Kesalahan-kesalahan di dalam ketiga-tiga pertuduhan tersebut telah dilakukan pada tarikh yang sama, masa yang sama, tempat yang sama dan melibatkan mangsa yang sama. Oleh itu hukuman pemenjaraan yang dijatuhkan oleh mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi sepatutnya berjalan secara serentak dan bukannya secara berasingan. Sudah terang lagi bersuluh bahawa mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi telah terkhilaf apabila memerintahkan hukuman pemenjaraan berjalan secara berasingan tanpa mempertimbangkan prinsip satu transaksi. Kegagalan mematuhi prinsip undang-undang tersebut mewajarkan campur tangan Mahkamah Rayuan (lihat perenggan 38–39).

[English summary

The appellant was charged with three charges, namely an offence of rape under s 376(2) of the Penal Code ('the first charge'), an offence under s 14(b) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 ('Act 792') ('the second charge'), and an offence under s 14(d) of Act 792 ('the third charge'). The offences were alleged to have been committed on the victim (who was then aged 15 years and nine months) on 3 January 2020, at approximately two in the morning, in a room of a house located in Sungai Siput District, Perak. At the end of the case, the sessions court found the appellant guilty of all three charges and ordered the following sentences: (a) the first charge — 12 years imprisonment from the date of arrest and four strokes; (b) the second charge — four years imprisonment and two strokes; (c) the third charge — four years imprisonment and two strokes; and (d) the three imprisonment sentences were to run consecutively from the date the appellant was arrested on 6 January 2020. The appellant had appealed against the sentences, but the High Court upheld the sessions court's decision for the three imprisonment sentences to run consecutively, hence, the present appeal. In this appeal, the appellant applied for the imprisonment sentences to be reduced and that the three imprisonment sentences to run concurrently and not consecutively.

Held, allowing the appellant's appeal, upholding the convictions on all three charges, setting aside the order that the terms of imprisonment to run consecutively and substituting such order with an order that the terms of imprisonment to run concurrently, and upholding the sentence of whipping:

(1) The court in hearing the present appeal was guided by the well-established legal principles where the court at the appeal stage should take a stand not to interfere with the sentencing findings made by the trial court unless it turned out that there was a misdirection in the decision, the decision was not in accordance with the law and there was strong evidence that showed that the trial judge had erred in applying the correct sentencing principle or had applied unauthorised or extraneous discretion (see para 29).

(2) The offences in the three charges were committed on the same date, at same time, at the same place and involving the same victim. Therefore, the imprisonment sentences ordered by the sessions court and the High Court should run concurrently and not consecutively. It was clear that the sessions court and the High Court erred in ordering the imprisonment sentences to run consecutively without considering the principle of one transaction. Failure to comply with this legal principle warranted the intervention of the Court of Appeal (see paras 38–39).]

Cases referred to

Bachik bin Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572; [2004] 3 AMR 429, MR (dirujuk)

Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139, MP (dirujuk)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457, MP (dirujuk)

Pendakwa Raya v Prabu a/l Veeramuthu and Others [2010] MLJU 663; [2010] 8 CLJ 257, MR (dirujuk)

Yap You Jee v PP and other appeals [2015] 5 MLJ 334; [2015] 7 CLJ 897, MR (refd)

Legislation referred to

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 s 14(b), (d)
Akta Mahkamah Rendah 1948 s 102
Kanun Keseksaan s 375

Rayuan daripada: *Faizal Anuar bin Mat Isa v Public Prosecutor* [2023] MLJU 161 (Mahkamah Tinggi, Taiping)

Ilyani Khuszairy (Firma Fahmi Abd Moin) bagi pihak perayu.
Sarulatha a/p Paramavathar (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azmi Ariffin HMR:

PERTUDUHAN

[1] Pendakwaan terhadap perayu bermula di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar di atas tiga pertuduhan-pertuduhan berikut:

PERTUDUHAN PERTAMA

> Bahawa kamu pada 3/1/2020, jam lebih kurang 2.00 pagi, di dalam satu bilik di rumah bernombor 109, Kampung Trosor, Sungai Siput, di dalam Daerah Sungai Siput (U), di dalam Negeri Perak, telah didapati merogol satu (1) kanak-kanak perempuan nama: xxxxxx, KPT xxxxx yang berumur 15 tahun 9 bulan dengan meletakkanya dalam ketakutan kecederaan pada masa segera sebelum melakukan kesalahan rogol itu, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 376(2)(b) yang boleh dihukum di bawah seksyen 376(2) Kanun Keseksaan.

PERTUDUHAN KEDUA:

> Bahawa kamu pada 3/1/2020, jam lebih kurang 2.00 pagi, di dalam satu bilik di rumah bernombor 109, Kampung Trosor, Sungai Siput, di dalam Daerah Sungai Siput (U), di dalam Negeri Perak, bagi maksud seksual telah menggunakan tangan seorang kanak-kanak perempuan nama: xxxxxx, KPT xxxxx yang berumur 15 tahun 9 bulan untuk menyentuh kemaluan kamu, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 14(b) Akta Kesalahan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum di bawah seksyen 14 Akta yang sama.

PERTUDUHAN KETIGA:

> Bahawa kamu pada 3/1/2020, jam lebih kurang 2.00 pagi, di dalam satu bilik di rumah bernombor 109, Kampung Trosor, Sungai Siput, di dalam Daerah Sungai Siput (U), di dalam Negeri Perak, bagi maksud seksual telah memasukkan jari kamu ke dalam kemaluan seorang kanak-kanak perempuan nama: xxxxxx, KPT xxxxx yang berumur 15 tahun 9 bulan untuk menyentuh kemaluan kamu, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 14(d) Akta Kesalahan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak2017 dan boleh dihukum di bawah seksyen 14 Akta yang sama.

FAKTA KES PENDAKWAAN

[2] Mangsa ('SP3') berusia 15 tahun sembilan bulan semasa kejadian.

[3] Pada 3 Januari 2020 jam lebih kurang pukul 2 pagi, ketika SP3 sedang tidur di ruang tamu di tingkat atas di rumah datuknya di Kampung Trosor, Sungai Siput, bersama adik lelakinya iaitu Mohammad Hakin bin Abdul Sani (SP7), SP3 terjaga kerana terdengar bunyi tarikan plastik dan disangkanya kucing. Pada masa itu, lampu di kawasan ruang tamu berada di dalam keadaan tertutup.

A **[4]** Selepas beberapa ketika, apabila SP3 membuka matanya beliau melihat di sebelah kanannya terdapat seorang lelaki yang sedang merangkak menuju ke arahnya. Lelaki itu memakai penutup muka dan membawa sebilah pisau. Lelaki itu telah mengacukan pisau kepada SP3 dan memberitahu SP3 supaya diam dan menyuruh SP3 bangun dan mengikutnya masuk ke dalam bilik yang
B terletak di tepi ruang tamu di tingkat yang sama.

[5] SP3 bangun lalu lelaki tersebut memeluk SP3 dari belakang dan mengacukan sebilah pisau ke perut SP3. Lelaki itu membawa SP3 masuk ke dalam bilik tersebut. Kebetulan lampu bilik itu terpasang. Semasa di dalam
C bilik itu, lelaki itu berkata kepada SP3 'kamu dengar cakap aku, kalau kamu tak dengar, aku tikam kamu'. SP3 merasa takut apabila mendengar kata-kata ugutan lelaki itu. SP3 merasa hendak menjerit sahaja tetapi tidak berani berbuat demikian kerana SP3 takut nyawanya dan nyawa adiknya (SP7) akan terancam.
D

[6] Lelaki itu menyuruh SP3 membuka seluarnya dan SP3 menurut saja arahan lelaki itu. Selepas itu, lelaki itu pun menanggalkan seluarnya sendiri. SP3 tidak membuka seluar dalamnya kerana SP3 sedang 'period' untuk hari
E kedua. Lelaki itu pun kemudiannya menyuruh SP3 memegang dan menghisap kemaluannya. SP3 ada memegang kemaluan lelaki itu tetapi SP3 tidak mahu menghisap kemaluan lelaki itu. Pada masa itu SP3 nampak kemaluan lelaki itu.

[7] Lelaki itu kemudiannya menyuruh SP3 baring. SP3 mengikut sahaja
F kerana takut. Tangan lelaki itu masih memegang pisau. Lelaki itu berada di atas SP3 dan kedua-dua tangan lelaki itu berada di tepi kepala SP3. Kemudian lelaki itu cuba memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP3 tetapi tidak berjaya. SP3 berasa sakit di kemaluannya.

G **[8]** Selepas gagal untuk memasukkan kemaluannya dengan cara SP3 berbaring, lelaki itu telah mencuba pula dengan cara mengiring di mana muka lelaki ini kini mengadap muka SP3 dan tangan kanan lelaki itu memeluk badan SP3. Tangan kiri lelaki itu pula cuba memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP3 tetapi masih tidak berjaya.
H

[9] Kemudian lelaki itu duduk berlunjur dan SP3 duduk di atas paha lelaki itu di dalam keadaan mencangkung. Kedua-dua tangan lelaki itu kini berada di pinggang SP3 dan lelaki itu mencuba untuk memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP3. Kali ini kemaluan lelaki itu hanya dapat masuk sedikit
I sahaja ke dalam kemaluan SP3.

[10] Kemudian lelaki itu menyuruh SP3 baring melentang dengan kaki kiri SP3 di atas bahu lelaki itu. Kedua-dua lutut lelaki itu berada di lantai dan dia duduk di celah kelangkang SP3. Lelaki itu memegang kemaluannya dan cuba

sekali lagi memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP3. Kemaluan lelaki itu tidak dapat masuk sepenuhnya kerana SP3 merasa pedih. SP3 dapat merasakan cecair panas di tepi kemaluannya. Cecair panas itu keluar daripada kemaluan lelaki itu.

[11] Selepas itu, lelaki itu telah memasukkan jari tangan kirinya ke dalam kemaluan SP3. Namun SP3 tidak pasti jari manakah yang digunakan oleh lelaki itu. Semasa kemasukan jari ini berlaku, SP3 telah bertanya kepada lelaki itu, siapakah dia yang sebenarnya. Melalui pakaian dan suara lelaki itu, SP3 sudah dapat mengagak siapakah lelaki itu. Lelaki itu bertanya kepada SP3 sama ada SP3 kenal Awang. Tekaan SP3 adalah tepat apabila lelaki itu membuka baju warna hitam yang digunakan untuk menutup mukanya. Nyata lelaki itu adalah Awang yakni perayu yang merupakan kawan arwah bapanya sejak SP3 masih di peringkat tadika lagi. SP3 mengenali perayu kerana ibu SP3 pernah menghantar SP3 dan adik-adiknya untuk dijaga oleh ibu perayu semasa keluarga perayu dan keluarga SP3 sama-sama tinggal di Pulau Kemiri.

[12] Selepas itu, perayu beritahu SP3 bahawa dia akan datang lagi untuk berjumpa dengan SP3 dan dia berjanji akan menjaga SP3. Perayu meminta SP3 merahsiakan perkara yang berlaku ini.

[13] SP3 telah berkeras menyuruh perayu keluar dan jika perayu enggan berbuat demikian, SP3 akan beritahu kepada keluarganya tentang kejadian ini. Perayu dengan segera keluar melalui tingkap kayu di dalam bilik itu. SP3 terus turun ke bawah dan mencuci bahagian bawah kemaluannya.

[14] SP3 telah mengejutkan SP7 sambil menangis dan memberitahu SP7 bahawa dia telah dirogol oleh perayu. SP3 terus menghubungi ibu angkatnya. Selepas itu, ibu angkatnya datang bersama anaknya. Bapa tiri SP3 serta bapa saudara SP3 juga datang bersama. Pada tarikh yang sama juga iaitu 3 Januari 2020, SP3 telah pergi ke balai polis bersama bapa saudaranya untuk membuat laporan polis berkenaan kejadian ini. Laporan Polis Salak Baru Report No 4/2020 telah ditandakan sebagai eksh P5.

[15] Selepas laporan polis dibuat, SP3 terus dibawa ke Hospital Sungai Siput dan seterusnya ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh untuk dibuat pemeriksaan genitalia. SP6 (Dr Lee Saw Joo) iaitu seorang doktor pakar sakit puan telah mengesahkan bahawa terdapat koyakan baru pada jam 5 di *hymen* SP3 dan juga koyakan di bahagian *posterior forchette*. Koyakan ini disebabkan oleh 'Blunt object penetration through hymen'. Laporan perubatan telah ditandakan sebagai eksh P16. SP6 juga mengesahkan bahawa tidak terdapat koyakan lama yang ditemui pada *hymen* SP3.

[16] Pada 6 Januari 2020 jam lebih kurang 3 petang, pegawai penyiasat kes iaitu Inspektor Milda Aren ak Maling (SP8) telah menangkap perayu di perkarangan Balai Polis Salak Baru, Sungai Siput, Perak di atas kesalahan sepertimana pertuduhan.

[17] Begitulah fakta kes pendakwaan.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[18] Di akhir kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan suatu kes prima facie terhadap perayu. Pembelaan diri dipanggil.

PEMBELAAN

[19] Perayu (SD1) memilih memberi keterangan secara bersumpah daripada kandang saksi. Perayu memanggil tiga orang saksi pembelaan iaitu SD2 (ibu perayu), SD3 (sepupu perayu) dan SD4 (kawan perayu).

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[20] Di akhir kes pembelaan, pada 29 November 2021, hakim mahkamah sesyen berpandangan bahawa pembelaan yang dibangkitkan hanyalah suatu penafian kosong, pemikiran terkemudian dan rekaan semata-mata dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah ke atas perayu. Perayu didapati bersalah dan disabitkan di atas ketiga-tiga pertuduhan tersebut.

[21] Hukuman terhadap perayu adalah seperti berikut:

(a) pertuduhan pertama — pemenjaraan selama 12 tahun dari tarikh tangkap dan empat kali sebatan;

(b) pertuduhan kedua — pemenjaraan selama empat tahun dan dua kali sebatan;

(c) pertuduhan ketiga — pemenjaraan selama empat tahun dan dua kali sebatan; dan

(d) ketiga-tiga hukuman pemenjaraan berjalan berasingan bermula dari tarikh perayu ditangkap (6 Januari 2020).

PERAYU MENFAILKAN RAYUAN KEPADA MAHKAMAH TINGGI

[22] Terkilan dengan keputusan tersebut, pada 10 Disember 2021, perayu telah menfailkan notis rayuan di Mahkamah Tinggi Taiping, Perak terhadap sabitan dan hukuman. Perayu memohon agar hukuman pemenjaraan dijalankan secara serentak dan bukannya secara berasingan. Pihak responden/pendakwa raya juga turut menfailkan rayuan silang terhadap hukuman bagi pertuduhan kedua dan ketiga di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

DAPATAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI

[23] Pada 19 Disember 2022, pesuruhjaya kehakiman Mahkamah Tinggi Taiping telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman hakim mahkamah sesyen yang memerintahkan tempoh hukuman pemenjaraan bagi ketiga-tiga kesalahan dijalankan secara berasingan. Rayuan silang responden di atas hukuman ditolak.

PERAYU MENFAILKAN RAYUAN KEPADA MAHKAMAH RAYUAN

[24] Terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut, maka pada 21 Disember 2022, perayu telah menfailkan notis rayuan (kandungan 32) di Mahkamah Rayuan ini memohon agar hukuman pemenjaraan dikurangkan dan berjalan secara serentak dan tidak secara berasingan sepertimana yang diperintahkan oleh oleh Mahkamah Tinggi Taiping.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

[25] Seksyen 375 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

> 375 Rape
>
> A man is said to commit 'rape' who, except in the case hereinafter excepted, has sexual intercourse with a woman under circumstances falling under any of the following descriptions:
>
> (a) against her will;
>
> (b) without her consent;
>
> (c) with her consent, when her consent has been obtained by putting her in fear of death or hurt to herself or any other person, or obtained under a misconception of fact and the man knows or has reason to believe that the consent was given in consequence of such misconception;
>
> (d) with her consent, when the man knows that he is not her husband, and her consent is given because she believes that he is another man to whom she is or believes herself to be lawfully married or to whom she would consent;

(e) with her consent, when, at the time of giving such consent, she is unable to understand the nature and consequences of that to which she gives consent;

(f) with her consent, when the consent is obtained by using his position of authority over her or because of professional relationship or other relationship of trust in relation to her;

(g) with or without her consent, when she is under sixteen years of age.

Explanation — Penetration is sufficient to constitute the sexual intercourse necessary to the offence of rape.

[26] Seksyen 14(b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 memperuntukkan seperti berikut:

Physical sexual assault on a child

14 Any person who, for sexual purposes —

(b) makes a child touch any part of the body of such person or of any other person;

commits an offence and shall, on conviction, be punished with imprisonment for a term not exceeding twenty years and shall also be liable to whipping.

Explanation 1 — The act of touching may involve the act of touching with any part of the body or with an object and may be done through anything including anything worn by the person touching or by the child touched.

Explanation 2 — In determining what constitutes sexual purposes, the court may take into consideration, among others, the part of the body that is touched, the nature and extent of the act of touching or the physical contact and all other circumstances surrounding the conduct.

[27] Seksyen 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 memperuntukkan seperti berikut:

Physical sexual assault on a child

14 Any person who, for sexual purposes —

(d) does any other acts that involve physical contact with a child without sexual intercourse, commits an offence and shall, on conviction, be punished with imprisonment for a term not exceeding twenty years and shall also be liable to whipping.

Explanation 1 — The act of touching may involve the act of touching with any part of the body or with an object and may be done through anything including anything worn by the person touching or by the child touched.

Explanation 2 — In determining what constitutes sexual purposes, the court may take into consideration, among others, the part of the body that is touched, the nature and extent of the act of touching or the physical contact and all other circumstances surrounding the conduct.

[28] Seksyen 102 Akta Mahkamah Rendah (Akta 92) memperuntukkan seperti berikut:

> Sentence in case of conviction for several offences at one trial. When a person is convicted at one trial of any two or more distinct offences a Magistrates' Court may sentence him for those offences to the several punishments prescribed therefor which the court is competent to inflict, the punishments when consisting of imprisonment to commence the one after the expiration of the other in such order as the court may direct, or to run concurrently if the court shall so direct, but it shall not be necessary for the court, by reason only of the aggregate punishment for the several offences being in excess of the punishment which it is competent to inflict on conviction of one single offence, to send the offender for trial before a higher court:
>
> Provided that —
>
> (a) in no case shall the person be sentenced to periods of imprisonment amounting in the aggregate to more than twenty years;
>
> (b) the aggregate punishment shall not exceed twice the amount of punishment which the court in the exercise of its ordinary jurisdiction is competent to inflict; and
>
> (c) when imprisonment is directed in default of payment of a fine or of costs or compensation ordered under the authority of any law for the time being in force, the imprisonment shall be consecutive to any other term of imprisonment so directed and to any sentence of imprisonment otherwise imposed.

PRINSIP UNDANG-UNDANG DI PERINGKAT RAYUAN

[29] Mahkamah dalam mendengar rayuan ini berpandukan kepada prinsip undang-undang yang mantap di mana mahkamah di peringkat rayuan seharusnya mengambil pendirian untuk tidak mengganggu dapatan hukuman yang telah dibuat oleh mahkamah perbicaraan melainkan ternyata keputusan tersebut mempunyai salah arah, tidak menurut undang-undang dan terdapat keterangan yang kuat yang menunjukkan bahawa hakim perbicaraan telah terkhilaf di dalam menggunapakai prinsip menjatuhkan hukuman yang betul ataupun telah menggunapakai budi bicara yang tidak dibenarkan (*unauthorised*) ataupun asing (*extraneous*). Prinsip ini telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139 di mana mahkamah memutuskan seperti berikut:

> For a discretionary judgment of this kind to be reversed by this court, it must be shown to our satisfaction that the learned judge was embarking on some unauthorised or extraneous or irrelevant exercise of discretion.

[30] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Pendakwa Raya v Prabu a/l Veeramuthu and Others* [2010] MLJU 663; [2010] 8 CLJ 257 juga telah

memutuskan seperti berikut:

> In an appeal against sentence an appellate court would not disturb the sentence imposed unless the trial court had erred in applying the correct principles of sentencing or had embarked on some unauthorised or extraneous exercise of discretion (see *Ganesan a/l Nachiappan & Ors v Public Prosecutor* [2000] 3 CLJ 302; *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256; *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1981] 1 LNS 139; [1982] 1 MLJ 83 and *Yit Kean Hong v Public Prosecutor* [2005] 4 CLJ 592.

[31] Di dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457, Mohamad Dzaiddin KHN (beliau pada ketika itu) menegaskan seperti berikut:

> It is of the upmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence. See: *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 257; [1976] 1 LNS 102.

KEPUTUSAN KAMI

[32] Perayu di dalam rayuannya terhadap hukuman memohon agar kami memerintahkan supaya hukuman pemenjaraan bagi ketiga-tiga pertuduhan terhadap perayu ini disingkatkan dan berjalan secara serentak dan tidak secara berasingan sepertimana yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.

[33] Pesuruhjaya kehakiman di dalam mengekalkan hukuman tempoh pemenjaraan dan hukuman dijalankan secara berasingan seperti yang diberikan oleh mahkamah sesyen menyatakan di dalam alasan penghakimannya (ms 22–24 kandungan 5 *RR Jld* 1) seperti berikut:

> [33] Having examined the relevant case law on the principles in regard to consecutive and concurrent sentences and the 'crushing effect' on the prisoner, unfortunately this court is not swayed by the appellant's submissions. In my view, the total 20 years imprisonment did not go against the totality principle because the maximum sentence that could be imposed for all the 3 offences is 70 years. The rationale of the sessions court judge was that the court must show its abhorrence to the rampancy of crimes of a sexual nature committed against children and therefore, a deterrent sentence was warranted. This Court agrees that the facts and circumstances of the case did not justify a shorter term of imprisonment nor was it fit to impose concurrent sentences. Two of the charges were under Sexual Offences Against Children Act 2017, despite their commission within the 'one transaction rule' and the first charge was on aggravated rape. The court views that these are very serious and heinous crimes indeed.
>
> [34] In reviewing the sentences imposed on the appellant, this court has also taken into consideration the victim impact statement (P30), the facts of the case adduced

at trial, aggrieving factors and mitigation of the appellant. Due to the nature and gravity of the crimes committed, public interest would be better served by keeping the appellant away from the victim, and society at large for a longer period of time. Hence, this court agrees with the rationale of the sessions court judge in imposing these sentences consecutively against the appellant. It cannot be said that she had not considered the appellant's plea in mitigation at all. In fact, the learned sessions court judge had explained the reasons for doing so in the grounds of judgment.

[35] An appellate court would be slow to interfere or disturb a sentence passed by a lower court unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or unsuitable to the proved facts and circumstances: *Public Prosecutor v Mohamed Nor & Ors* [1985] 2 MLJ 200.

[36] Premised on the above, the court did not find any error of fact or law such that would justify the court to disturb the findings nor to interfere in the sentences meted out by the sessions court judge. Accordingly, the court affirmed the conviction and sentences imposed by the sessions court judge on the appellant. Appeal dismissed.

[34] Sebelum kami memutuskan samada berlakunya kekhilafan atau tidak oleh mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi dalam menjatuhkan hukuman pemenjaraan secara berasingan bagi ketiga-tiga pertuduhan terhadap perayu ini, maka adalah lebih wajar bagi kami merujuk dahulu kepada beberapa nas undang-undang yang mantap berkaitan isu utama ini.

[35] Prinsip perundangan berkaitan hukuman pemenjaraan berasingan atau serentak ini telah dinyatakan secara jelas oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572; [2004] 3 AMR 429 di mana Augustine Paul HMR (beliau pada ketika itu) di dalam menyampaikan penghakiman mahkamah menyatakan seperti berikut:

... combined effect of ss 282 and 292 is that unless the court imposing a sentence says anything to the contrary, the sentence runs from the date on which it was passed (see *Ooi Sim Yim v Public Prosecutor* [1990] 1 MLJ 88; [1990] 1 CLJ 435; [1990] 1 CLJ Rep 223). The exercise of the discretion to determine the date of commencement of the sentence of imprisonment is dependent on the facts and circumstances of each case. In deciding whether the terms of imprisonment should be consecutive or commence at another date the court will be guided by the one transaction rule and the totality principle. Pursuant to the one transaction rule where two or more offences are committed in the course of a single transaction all sentences in respect of these offences should be concurrent rather than consecutive (see *R v Saleem* [1964] Crim LR 482; *R v Walsh* [1965] Crim LR 248). For there to be one transaction four elements must be present, that is to say, proximity of time, proximity of place, continuity of action and continuity of purpose or design (see *Jayaraman & Ors v Public Prosecutor* [1979] 2 MLJ 88; [1979] 1 LNS 36; *Amrita Lal Hazra v Emperor* 42 Cal 957; *Chin Choy v Public Prosecutor* [1955] 1 MLJ 236; [1955] 1 LNS 17).

[36] Srimurugan Alagan di dalam buku penulisannya bertajuk *The Criminal Procedure Code: A Commentary with Appellate Practice & Procedure* (2nd Ed, Sweet & Maxwell) di ms 461–462 menyatakan seperti berikut:

> In deciding whether the terms of imprisonment should be consecutive or commence at another date, the court will be guided by the one transaction rule and the totality principle. Pursuant to the one transaction rule where two or more offences are committed in the course of a single transaction, all sentences in respect of these offences should be concurrent rather than consecutive (see *R v Saleem* [1964] Crim LR 482; *R v Walsh* [1965] Crim LR 248). For there to be one transaction four elements must be present, that is to say, proximity of time, proximity of place, continuity of action and continuity of purpose or design (see *Jayaraman & Ors v PP* [1979] 2 MLJ 236; [1979] 1 LNS 36).

[37] Mahkamah Rayuan di dalam *Yap You Jee v Public Prosecutor and other appeals* [2015] 5 MLJ 334; [2015] 7 CLJ 897 memutuskan seperti berikut:

> In respect of the second and third appellants, in determining whether the sentences should be concurrent or consecutive, we are guided by the one transaction rule where four elements must be present, that is to say, proximity of time, proximity of place, continuity of action and continuity of purpose or design (see *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572).

[38] Bersandarkan kepada nas undang-undang di atas, kami mendapati untuk ketiga-tiga pertuduhan ini, ianya telah dilakukan pada tarikh yang sama, masa yang sama, tempat yang sama dan melibatkan mangsa yang sama. Oleh itu hukuman pemenjaraan yang dijatuhkan oleh mahkamah sesyen dan mahkamah tinggi sepatutnya berjalan secara serentak dan bukannya secara berasingan.

[39] Sudah terang lagi bersuluh bahawa mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi telah terkhilaf apabila memerintahkan hukuman pemenjaraan berjalan secara berasingan tanpa mempertimbangkan prinsip satu transaksi sepertimana yang dijelaskan di atas. Kegagalan mematuhi prinsip undang-undang tersebut mewajarkan campurtangan Mahkamah Rayuan ini.

KESIMPULAN

[40] Rayuan perayu dibenarkan. Sabitan bagi ketiga-tiga pertuduhan dikekalkan. Perintah supaya hukuman pemenjaraan berjalan secara berasingan diketepikan dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan berjalan secara serentak. Hukuman sebatan dikekalkan.

Rayuan perayu dibenarkan; sabitan bagi ketiga-tiga pertuduhan dikekalkan; perintah supaya hukuman pemenjaraan berjalan secara berasingan diketepikan

dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan berjalan secara serentak; hukuman sebatan dikekalkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar